

# BULETIN 2024

## MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN JULY - DECEMBER



JULY - DECEMBER  
2024



**VISI** "PERBANDARAN  
PADAWAN YANG CEKAP  
DAN MAMPAH"

**MISI** "MPP ADALAH KOMITED  
UNTUK MENINGKATKAN  
KUALITI KEHIDUPAN RAKYAT  
DENGAN MENYEDIAKAN  
PERKHIDMATAN  
PERBANDARAN YANG CEKAP  
DAN MEMANFAATKAN  
PENGLIBATAN MASYARAKAT  
TEMPATAN"



# ISI KANDUNGAN

- 1 MAJLIS ELANCARAN BULAN KEBERSIHAN BANDARAYA KUCHING PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN (MPP)
- 2 CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) 2024-TROMBOL BEACH CLEAN-UP ACTIVITY
- 3 PROGRAM KELESTARIAN ALAM SEKIATAR DI KAMPUNG BERADEK 2024
- 4 PROGRAM "MELANGKAH KE MASA HADAPAN : PEMAHAMAN MENDALAM TENTANG PENGGUNAAN SPAY GLOBAL DAN KEUSAHAWANAN DIGITAL
- 5 MAJLIS PENUTUPAN BULAN KEBERSIHAN BANDARAYA KUCHING PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAYA PADAWAN (MPP)
- 6 MAJLIS UPACARA MENAIKKAN BENDERA (FLAG RAISING CEREMONY) SEMPENA ULANG TAHUN MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN YANG KE-28
- 7 MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN REKA CIPTA ARCA MENGGUNAKAN BARANGAN KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN
- 8 MASS VACCINATION, DOG LICENSING, MICROCHIPPING AND SUBSIDIZED NEUTERING FOR DOGS
- 9 PROGRAM KEBERSAMAAN LATIHAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN - KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN
- 10 MPP ESTABLISHES "FRIENDSHIP CITY" TIES WITH CHINA'S YIBIN CITY
- 11 CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) PROGRAMME - TREE PLANTING INITIATIVE BY PANSAR COMPANY SDN BHD COLLABORATION WITH PADAWAN MUNICIPAL COUNCIL (MPP)
- 12 LATIHAN KEBAKARAN DAN PENGUNGSIAN BANGUNAN (FIRE DRILL) MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN (MPP) 2024
- 13 TAKLIMAT PROGRAM KESEDARAN BAGI PROMISI KESIHATAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKIATAR 2024

# ISI KANDUNGAN

- |    |   |
|----|---|
| 14 | MAJLIS PELANCARAN HARI CUCI MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN   |
| 15 | SUKAN RAKYAT ANTARA BAHAGIAN - BAHAGIAN MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN (MPP0 2024)  |
| 16 | UPACARA BULANAN MENAIKKAN BENDERA IBU PERTIWI   |
| 17 | PROGRAM KESEDARAN BAGI PROMOSI KESIHATAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR SEMPENA HARI KESIHATAN PERSEKITARAN SEDUNIA 2024                                  |
| 18 | SAMBUTAN PERAYAAN HARI LAHIR KE-78 YANG DIPERTUA NEGERI SARAWAK TUN PEHIN SRI DR WAN JUNAIDI TUANK JAAFAR   |
| 19 | PADAWAN RAFT SAFARI 2024  |
| 20 | MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PADAWAN RAFT SAFARI 2024  |
| 21 | ANUGERAH PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2024   |
| 22 | MPP AWARDED WITH ONE OF THE TWELVE MOST SUSTAINABLE CITY AWARD 2024   |
| 23 | OPENIN CEREMONY OF THE ANG CHENG HO QUARRY MULTIPURPOSE HALL  |
| 24 | MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA ULANG TAHUN MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN (MPP) YANG KE-28  |
| 25 | PROGRAM KESELAMATAN KEBAKARAN, PENUBUHAN BOMBA KOMUNITI DI TEMAN PILI BOMBA (FIRE HYDRANT COMMUNITY ADOPTION)   |
| 26 | MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI PROGRAM PENGASINGAN SISA PEPEJAL PERINGKAT SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENEGAH DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PADWAN (MPP) |

# ISI KANDUNGAN

27

**PROGRAM SAMBUTAN PRA-KRISMAS 2024 DI BATU KAWA RIVERBANK PARK**

28

**SESI DIALOG BERSAMA KETUA MASYARAKAT KETUA KAUM (KMKK) KAWASAN DAERAH KECIL PADAWAN**

29

**COURTESY VISIT BY YIBIN CITY, CHINA**

30

**PESTA TELAGA AIR 2024**

31

**PROGRAM BANDAR SELAMAT - SESI DIALOG KESELAMATAN MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN (MP) POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG HAJI BAKI**

# MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBERSIHAN BANDARAYA KUCHING PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN (MPP)

1 Julai 2024 (Isnin) - Sempena Bulan Kebersihan Bandaraya Kuching yang disambut pada 1 Julai setiap tahun, MPP telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Majlis Pelancaran Bulan Kebersihan Bandaraya Kuching Peringkat MPP pada hari ini bertempat di Batu Kawah Riverbank Park.



## CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) 2024 - TROMBOL BEACH CLEAN-UP ACTIVITY

29 Jun 2024 (Sabtu) - Leadership Institute of Sarawak Civil Service telah mengadakan aktiviti Trombol Beach Clean-Up Activity sebagai salah satu aktiviti CSR mereka pada tahun ini. Program ini juga turut melibatkan jaringan kerjasama Majlis Perbandaran Padawan (MPP) dan JKKK Kampung Trombol telah berlangsung di Pantai Kampung Trombol dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari kakitangan-kakitangan Leadership Institute of Sarawak Civil Service.



# PROGRAM KELESTARIAN ALAM SEKITAR

## DI KAMPUNG BERADEK 2024

14 JULAI 2024 (AHAD) - Program Kelestarian Alam Sekitar Di Kampung Beradek telah diadakan pada hari ini bertempat di Dewan Masyarakat, Kampung Beradek. Program yang merupakan hasil kerjasama Majlis Perbandaran Padawan (MPP) bersama JKKK Kampung Beradek serta pelbagai agensi kerajaan/swasta dan NGO yang lain seperti Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NREB) ; Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak ; Lembaga Sungai Sungai Sarawak ; Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching ; Balai Bomba Dan Penyelamat Asajaya ; UNIMAS ; DNS Waste Management ; Kim Huang Enterprise ; SCD Biotech Sdn Bhd dan Creo Estella PLT pada pagi ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan oleh penduduk setempat.



## PROGRAM "MELANGKAH KE MASA HADAPAN : PEMAHAMAN MENDALAM TENTANG PENGGUNAAN SPAY GLOBAL DAN KEUSAHAWANAN DIGITAL

27 JULAI 2024 (SABTU) - Program "Melangkah ke Masa Hadapan: Pemahaman Mendalam Tentang Penggunaan SPay Global Dan Keusahawanan Digital" telah diadakan pada hari ini bertempat di Dewan RPR Batu Kawa. Program ini adalah merupakan anjuran Unit Perpustakaan (Digital Community Centre) Majlis Perbandaran Padawan (MPP).



# MAJLIS PENUTUPAN BULAN KEBERSIHAN BANDARAYA KUCHING PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN (MPP)

SELASA (30 JULAI 2024) - Majlis Penutupan Bulan Kebersihan Bandaraya Kuching Peringkat MPP telah berlangsung pada hari ini bertempat di Batu Kawah Riverbank Park. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Michael Tiang Ming Tee, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Sarawak (Kesihatan Awam Dan Perumahan) mewakili YB Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak Merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Sarawak.



## MAJLIS UPACARA MENAIKKAN BENDERA (FLAG RAISING CEREMONY) SEMPENA ULANG TAHUN MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN YANG KE-28

31 JULAI 2024 (RABU) - Satu upacara menaikkan bendera sempena Ulang Tahun Majlis Perbandaran Padawan (MPP) Yang Ke-28 telah berlangsung pada hari ini bertempat di lobi dan kawasan parkir Pejabat MPP. Upacara menaikkan bendera yang dimulakan dengan lagu Negaraku, diikuti dengan lagu Sarawak Ibu Pertiwi dan seterusnya Lagu Rasmi MPP telah diketuai oleh anggota-anggota Bahagian Penguatkuasa MPP.



# MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN REKA CIPTA ARCA MENGGUNAKAN BARANGAN KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN

20 OGOS 2024 (SELASA) - Pertandingan Reka Cipta Arca Menggunakan Barang Kitar Semula Peringkat Sekolah Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah Di Kawasan Pentadbiran MPP merupakan program yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan para pelajar sekolah rendah dan menengah serta komuniti sekolah tentang kesan pembuangan sisa plastik secara tidak wajar terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar, mengawal pembuangan sisa barangan seperti plastik, kertas dan bahan aluminium secara haram di tepi jalan dan kawasan pembuangan haram yang boleh menyebabkan tempat pemberian nyamuk dan sarang tikus.



## MASS VACCINATION, DOG LICENSING, MICROCHIPPING AND SUBSIDIZED NEUTERING FOR DOGS




# PROGRAM KEBERKESANAN LATIHAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN - KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN

29 Ogos 2024 (Khamis) - Majlis Perbandaran Padawan (MPP) telah menganjurkan Kursus Latihan Pengendali Makanan dengan Kerjasama Besthealth Training Centre pada hari ini bertempat di Bilik Latihan, Pejabat MPP.



***MPP Establishes "Friendship City" Ties with China's Yibin City***

9 SEPTEMBER 2024 (MONDAY) - Yibin, China: the Padawan Municipal Council (MPP) established a "friendship city" relationship with Yibin City in the Sichuan Province of China, under the facilitation of Minister of Transport Sarawak, YB Dato' Sri Lee Kim Shin.



# **CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) PROGRAMME - TREE PLANTING INITIATIVE BY PANSAR COMPANY SDN BHD COLLABORATION WITH PADAWAN MUNICIPAL COUNCIL (MPP)**

16 SEPTEMBER 2024 (MONDAY) - A tree planting activity was carried out at the Batu Kawah Riverbank Park today as part of the PANSAR Staff Family Program. On this Malaysia Day, Cr. Tan Kai, Chairman of MPP, expressed his hope that more tree planting activities will take place in the Padawan area and, more broadly, in Kuching city. MPP encourages corporate companies, agencies, and NGOs to organize environmental preservation activities, involve the local councils, and help build an environmentally aware community.



## **Latihan Kebakaran Dan Pengungsian Bangunan (Fire Drill) Majlis Perbandaran Padawan (MPP) 2024**

19 SEPTEMBER 2024 (KHAMIS) - Satu Latihan Kebakaran Dan Pengungsian Bangunan (Fire Drill) telah diadakan pada hari ini bertempat di bangunan Pejabat MPP. Selain kakitangan-kakitangan MPP latihan ini juga turut melibatkan orang awam yang berkunjung di Pejabat MPP dan Perpustakaan Awam MPP



# TAKLIMAT PROGRAM KESEDARAN BAGI PROMISI KESIHATAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR 2024

26 September 2024 (Khamis) - Majlis Perbandaran Padawan (MPP) dengan kerjasama Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd dan Kim Huang Enterprise telah menganjurkan sesi Taklimat Program Kesedaran Bagi Promosi Kesihatan dan Kelestarian Alam Sekitar 2024 pada hari ini bertempat di Dewan Majlis, Pejabat MPP



## MAJLIS PELANCARAN HARI CUCI MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN

28 SEPTEMBER 2024 (SABTU) - Majlis Pelancaran Hari Cuci Malaysia Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada hari ini bertempat di Pasar Seni, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta turut dihadiri oleh YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). Majlis pelancaran ini melibatkan slot live-streaming secara langsung bersama dengan lokasi majlis pelancaran utama di setiap negeri seluruh Malaysia



# SUKAN RAKYAT ANTARA BAHAGIAN-BAHAGIAN MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN (MPP) 2024

5 OKTOBER 2024 (SABTU) - Kelab MPP telah menganjurkan pertandingan Sukan Rakyat Antara Bahagian-Bahagian MPP yang melibatkan kakitangan-kakitangan serta Ahli-Ahli Majlis MPP yang bertempat di Ang Cheng Ho Sports & Community Hall, Batu Kawa



## UPACARA BULANAN MENAIKKAN BENDERA IBU PERTIWI

6 OKTOBER 2024 (AHAD) - Upacara menaikkan bendera Ibu Pertiwi yang juga merupakan acara bulanan telah diadakan pada hari ini bertempat di Dataran Ibu Pertiwi.




# PROGRAM KESEDARAN BAGI PROMOSI KESIHATAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR SEMPENA HARI KESIHATAN PERSEKITARAN SEDUNIA 2024

7 OKTOBER 2024 (ISNIN) - Program Kesedaran Bagi Promosi Kesihatan Dan Kelestarian Alam Sekitar Sempena Hari Kesihatan Persekutuan Dunia 2024 telah berlangsung pada hari ini bertempat di Emart One Stop Shopping Mall, Jalan Batu Kawa. Majlis ini telah disempurnakan oleh Cr. Tan Kai, Pengurus Majlis Perbandaran Padawan (MPP) mewakili YB Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak Merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Sarawak.



## Sambutan Perayaan Hari Lahir Ke-78 Yang Di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar

12 Oktober 2024 (Sabtu) - Tahniah kepada kontinjen Majlis Perbandaran Padawan (MPP) yang terdiri dari kakitangan-kakitangan MPP kerana telah menyertai acara kemuncak sempena Sambutan Perayaan Hari Lahir ke-78 Yang Di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar iaitu Istiadat Perbarisan Dan Rapat Raksasa yang bertempat di Padang Merdeka, Kuching pada pagi ini.



# PADAWAN RAFT SAFARI

## 2024



### MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PADAWAN RAFT SAFARI 2024

20 OKTOBER 2024 (AHAD) - Majlis Perbandaran Padawan (MPP) dengan kerjasama Grit

Event Management telah menganjurkan Padawan Raft Safari 2024 yang merangkumi pertandingan berakit dan berkayak menyusuri Sungai Kiri Sarawak. Pelepasan peserta telah dilakukan di Kampung Annah Rais (Kategori Kayak 40km), Kampung Timurang (Kategori Rakit 32km), Kampung Danu (Kategori Rakit 22km), Kampung Semedang (Kategori Rakit 15km) dan berakhir di Kampung Git, Padawan



# ANUGERAH PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2024

26 OKTOBER 2024 (SABTU) - Majlis Perbandaran Padawan (MPP) telah diumumkan sebagai pemenang tempat ke-3 bagi Kategori Perbandaran seluruh Malaysia untuk Anugerah Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2024 sempena Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2024 anjuran Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang bertempat di Majlis Bandaraya Petaling Jaya selaku tuan rumah pada tahun ini.



## MPP Awarded With One Of The Twelve Most Sustainable City Award 2024

28 October 2024 (Monday) – Murninets is an acronym for Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development. The objectives of murninets is to determine the sustainable level of cities, identify the strength and weakness of every cities, measure the performance of local authorities and to propose improvement and measures and identify opportunities to raise sustainability level of a city, municipality and district councils areas



# OPENING CEREMONY OF THE ANG CHENG HO QUARRY MULTIPURPOSE HALL

28 OCTOBER 2024 (Monday) - The Ang Cheng Ho Quarry Multipurpose Hall was officiated by YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier of Sarawak, in Batu Kawah



## MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA ULANG TAHUN MAJLIS PERBANDARAN (MPP) YANG KE-28

1 NOVEMBER 2024 (JUMAAT) - MPP dengan kolaborasi KELAB MPP telah menjayakan Majlis Makan Malam sempena ulang tahun MPP ke-28 yang bertempat di Imperial Hotel, Kuching. Majlis yang bertemakan Kampung Style ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MPHLG) Sarawak bersama isteri Dato Enn Ong



# PROGRAM KESELAMATAN KEBAKARAN, PENUBUHAN BOMBA KOMUNITI DAN TEMAN PILI BOMBA (FIRE HYDRANT COMMUNITY ADOPTION)



23 November 2024 (SABTU) - Program Keselamatan Kebakaran, Penubuhan Bomba Komuniti dan Teman Pili Bomba (Fire Hydrant Community Adoption) telah berlangsung pada hari bertempat di Dewan Perpaduan RPR Fasa 1 Batu Kawa dengan penglibatan komuniti di kawasan RPR Batu Kawa dan Batu 3. Program ini adalah hasil kerjasama Majlis Perbandaran Padawan (MPP) bersama Balai Bomba & Penyelamat Batu Lintang dan Bahagian Keselamatan Kebakaran dari Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sarawak



## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI PROGRAM PENGASINGAN SISA PEPEJAL PERINGKAT SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN (MPP)

26 NOVEMBER 2024 (SELASA) – Majlis Perbandaran Padawan telah menganjurkan Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Program Pengasingan Sisa Pepejal Peringkat Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah dalam Kawasan Pentadbiran MPP bertempat di SM Sains Kuching hari ini.




# PROGRAM SAMBUTAN PRA-KRISMAS 2024 DI BATU KAWA RIVERBANK PARK)

17 DISEMBER 2024 (SELASA) - Program Sambutan Pra-Krismas Tahun 2024 telah diadakan pada hari ini bertempat di Batu Kawa Riverbank Park yang merupakan hasil jalinan kerjasama di antara Majlis Perbandaran Padawan (MPP) bersama Persatuan Jawatankuasa Pekan Lama Batu Kawa dan telah disempurnakan oleh Cr. Tan Kai, Pengurus MPP.



## SESI DIALOG BERSAMA KETUA MASYARAKAT KETUA KAUM (KMKK) KAWASAN DAERAH KECIL PADAWAN

18 Disember 2024 (Rabu) - Satu sesi dialog bersama KMKK di kawasan Daerah Kecil Padawan berkenaan khusus dengan Penyelenggaraan Jalan telah diadakan pada hari ini bertempat di Bilik Latihan, Pejabat Majlis Perbandaran Padawan (MPP). Sesi taklimat dan sesi dialog ini telah diketuai oleh Encik Mohd Hazwan Bin Othman, Jurutera Majlis (Council Engineer).




# COURTESY VISIT BY YIBIN CITY, CHINA

18 DECEMBER 2024 (WEDNESDAY) - Padawan Municipal Council (MPP) warmly welcomed a courtesy visit from Yibin City, China, today. MPP and Yibin City established a "Friendship City" partnership in September 2024 in Yibin, China. This visit marks a significant milestone in strengthening the bonds of friendship and collaboration between the two cities.



## PESTA TELAGA AIR 2024



# PROGRAM BANDAR SELAMAT - SESI DIALOG KESELAMATAN MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN (MPP), POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG HAJI BAKI

23 DISEMBER 2024 (ISNIN) - Program Bandar Selamat (Sesi Dialog Keselamatan MPP, PDRM Bersama Komuniti Kampung Haji Baki) telah berlangsung pada hari ini bertempat Dewan Komuniti, Kampung Haji Baki.



**Copyright of MPP Buletin and its contents but limited to the information, text, images, graphics, and their arrangement, and material therein, is owned by Majlis Perbandaran Padawan unless otherwise indicated. No part or parts of MPP Buletin may be modified, copied, distributed, retransmitted, broadcasted, displayed, reproduced, published, licensed, transferred, sold or commercially dealt with in any manner without the express prior written consent of Majlis Perbandaran Padawan.**

MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN,  
JALAN PENRISSEN, PASAR BATU 10,  
93250 KUCHING, SARAWAK.

TEL: 082 - 615566  
FAX: 082 - 611832



**<https://mpp.sarawak.gov.my>**

**HOTLINE: 013 - 802 5566 (for Whatsapp & SMS only)**

